


Baru-baru ini, ahli sejarah terkenal, Profesor Wang Gungwu, telah menyampaikan kuliah bertajuk 'Pembangunan negara sebagai sebuah misi peradaban' dalam siri Kuliah Memperingati Syed Hussein Alatas yang Keempat. Dalam penyampaian itu, beliau mengimbas kembali beberapa interaksinya bersama ahli sosiologi, Allahyarham Profesor Syed Hussein Alatas. Berikut BERITA HARIAN melaporkan perkongsian beliau.



SESI KULIAH: Ahli sejarah terkenal, Profesor Wang Gungwu (kiri), menyampaikan kuliah bertajuk 'Pembangunan negara sebagai sebuah misi peradaban' di sesi Kuliah Memperingati Syed Hussein Alatas Keempat baru-baru ini sebelum menjawab beberapa soalan peserta. Bersama beliau ialah profesor sosiologi di NUS, Syed Farid Alatas (kanan), selaku moderator. - Foto-foto BH oleh KHALID BABA

Prof Wang: 'Empayar' masih wujud dalam pengertian lebih luas

► IRMA KAMARUDIN
irmak@2ph.com.sg

ZAMAN penjajahan sudah lama berakhir sejak berdekad lalu, namun dasar meluaskan kuasa dan pengaruh masih berterusan hari ini melalui pelbagai kenehad lain, seperti imperialisme ekonomi dan teknologi, kata ahli sejarah terkenal, Profesor Wang Gungwu.

Imperialisme, dalam erti kata lebih luas, sebenarnya boleh berlaku dalam banyak bentuk lain selain penjajahan, kata Profesor Wang ketika berkongsi pandangannya dalam sesi Kuliah Memperingati Syed Hussein Alatas Keempat baru-baru ini.

Kuliah beliau itu, bertajuk 'Pembangunan negara sebagai sebuah misi peradaban', dianjurkan Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Nasional Singapura (NUS).

Semasa beliau seorang ahli sejarah muda dahulu, Profesor Wang berkata beliau pernah menyatakan bahawa zaman empayar sudah berakhir dengan wujudnya negara-negara merdeka yang "se-cara teorinya, setaraf di mata satu sama lain".

Namun, semakin beliau dewasa, beliau menyadari bahawa pemikiran itu "satu kesilapan" kerana perkataan 'empayar' digunakan secara sempit.

"Anda perlu berfikir dalam cara berbeza untuk mempertimbangkan kemungkinan terdapat jenis 'empayar' yang lain, yang boleh mengawal kita bukan secara pemerolehan wilayah tetapi ia mungkin lebih berkuasa dengan mengawal fikiran anda," kata profesor universiti NUS itu, yang juga mantan pengerusi Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew dan Institut Asia Timur.

Perkataan 'empayar' berasal daripada perkataan Latin 'imperium', kata Profesor Wang, dan khususnya, ia merujuk kepada empayar yang diasaskan di kawasan negara-negara Mediterranean.

Ini seperti Empayar Mesir, Empayar Greek, Empayar Parsi, namun Empayar Roman telah memperkukuhkan perkataan 'empayar' itu di mata seluruh Eropah dan ia menjadi satu model yang digunakan bagi empayar moden, terutamanya Britain dan Perancis, untuk keluar menggunakan kuasa dan menjajah wilayah dan negara lain.

Namun, dalam erti kata lebih luas dan jika dilihat pada sejarah, imperialisme berlaku dalam pelbagai bentuk lain.

Misalnya, Empayar Srivijaya bukan sebuah negara berpusat dan birokrasi yang mempunyai banyak wilayah.

Empayar itu mengambil pendekatan yang terbuka dan inklusif terhadap hubungan antara politik berbeza, dan malah, ibu kotanya bertukar-tukar tempat, kata Profesor Wang.

Empayar lain, seperti Parsi, Arab, Mughal atau China, pula mempunyai cara berlainan menyepadukan diri mereka dengan menggunakan budaya, agama dan tamadun.

Digabungkan dengan kapitalisme perindustrian dan kuasa maritim, empayar dalam zaman moden pula lebih berkesan dan meluas, dengan dunia pada suatu ketika dibahagikan antara Empayar Perancis dengan Empayar British, kata Profesor Wang.

Hari ini, dasar meluaskan kuasa dan pengaruh itu mungkin bukan lagi dari segi penaklukan dan penjajahan, tetapi terdapat 'empayar' yang dikawal dari segi kewangan dan sistem global.

"Anda mempunyai syarikat-syarikat berbilang negara, yang merentas negara dan banyak sempadan sepenuhnya. Jika anda lihat pada beberapa syarikat terkaya di dunia, mereka lebih kaya daripada kebanyakan negara. Ini berbeza daripada semuanya.

"Oleh itu, saya mula tertanya-tanya tentang sama ada zaman empayar ini sudah berakhir kerana anda menggunakan perkataan itu dalam cara tertentu.

"Namun, dalam cara lain, terdapat pelbagai jenis empayar, dan tidak semua empayar bersifat kejam, merampas dan memperolehi wilayah dan sebagainya," kata beliau.

PANDANGAN PROFESOR WANG GUNGWU

'EMPAYAR' HARI INI

"Anda mempunyai syarikat-syarikat berbilang negara, yang merentas negara dan banyak sempadan sepenuhnya. Jika anda lihat pada beberapa syarikat terkaya di dunia, mereka lebih kaya daripada kebanyakan negara. Ini berbeza daripada semuanya.

"Oleh itu, saya mula tertanya-tanya tentang sama ada zaman empayar ini sudah berakhir kerana anda menggunakan perkataan itu dalam cara tertentu.

"Namun, dalam cara lain, terdapat pelbagai jenis empayar, dan tidak semua empayar bersifat kejam, merampas dan memperolehi wilayah dan sebagainya."

- Profesor Wang Gungwu

PROFESOR SYED HUSSEIN DAN AHLI SEJARAH

"Saya dapat tahu Hussein berminat dalam sosiologi pengetahuan, satu bidang yang amat baru bagi saya.

"Ini telah menyebabkan beliau bukan hanya mempersoalkan andaian yang dibuat ahli sejarah tentang penulisan sejarah, malah asas imperialis sains kemasyarakatan yang diajar universiti moden.

"Beliau bimbang misi pemeradaban yang dibina ke dalam model negara bangsa (nation state) menyebabkan kita menerima hasil keilmuan Barat tanpa mempersoalkan imperialisme di sebaliknya."



KHUSYUK DENGAR PENCERAHAN: Kuliah Profesor Wang Gungwu dianjurkan Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Nasional Singapura (NUS).